

# KESALAHAN MELIBATKAN PERKHIDMATAN KERETA API (AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (AKTA 715))

---



## ***Dilarang Merokok***

Denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya (S.203 Akta 715)



## ***Dilarang Berkelakuan Sumbang***

Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya (S.200 Akta 715)



## ***Dilarang Menceroboh Kawasan Kereta Api***

Denda tidak melebihi RM500 dan jika enggan beredar, boleh didenda tidak melebihi RM1,000 (S.126 Akta 715)



## ***Dilarang Melontar Batu Ke Arah Kereta Api***

Denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya (S.132 Akta 715)



# KESALAHAN KHUSUS BERHUBUNG DENGAN KERETA API (AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010 (AKTA 715))

---

- **Seksyen 121 - Mabuk atau kemungkiran kewajipan oleh pegawai kereta api**
  - Denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 122 - Penggunaan tidak wajar alat isyarat kecemasan**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya
- **Seksyen 123 - Mengalihkan, dsb., tonggak, pancang atau tanda lain**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya
- **Seksyen 124 - Memasuki atau meninggalkan koc kereta api secara luar aturan**
  - Denda tidak melebihi RM1,000
- **Seksyen 125 - Menahan masuk, dan memasuki dan enggan meninggalkan tren yang penuh**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 dan boleh dikeluarkan dari tren kereta api itu
- **Seksyen 127 - Memandu apa-apa kenderaan atau menghalau mana-mana haiwan ke atas atau melintasi landasan kereta api**
  - Denda tidak melebihi RM500 bagi setiap kesalahan
- **Seksyen 128 - Kerosakan, sama ada dengan sengaja atau cuai, dsb**

Menyenaraikan pelbagai jenis kerosakan atau kelakuan yang menyebabkan kerosakan terhadap keretapi, landasan dan premis keretapi serta mana-mana harta yang berada dalam kawasan keretapi. Berdasarkan jenis kelakuan atau kerosakan terdapat tiga kategori penalti yang ditetapkan iaitu:-

  - Denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya;
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya; atau
  - Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya.
- **Seksyen 129 - Membuka atau tidak menutup get dengan betul**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3bulan atau kedua-duanya
- **Seksyen 130 - Menghalang atau cuba menghalang kereta api dengan niat jahat**
  - Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 20 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 131 - Gerak isyarat atau isyarat yang menyebabkan kereta api berhenti**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya



## KESALAHAN UMUM DAN PENALTI (AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010 (AKTA 715))

---

- **Seksyen 198 - Membawa dengan menyalahi undang-undang barang atau bagasi yang berbahaya atau memudaratkan**
  - Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 7 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 199 - Memasuki atau meninggalkan koc kereta api, kenderaan perkhidmatan awam atau kenderangan pelancongan, dsb., semasa sedang bergerak atau membuat perjalanan di luar aturan**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 bagi setiap kesalahan
- **Seksyen 201 - Perbuatan atau peninggalan sengaja yang membahayakan penumpang**
  - Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 7 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 202 - Perbuatan cuai yang membahayakan keselamatan**
  - Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya
- **Seksyen 204 - Membuat pernyataan palsu, dsb.**
  - Menyenaraikan pelbagai jenis kelakuan dan tujuan yang dikategorikan sebagai membuat pernyataan palsu. Penalti bagi kesalahan membuat pernyataan palsu adalah denda tidak kurang RM1,000 tetapi tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 205 - Memujuk atau mendesak dalam menawarkan perkhidmatan**
  - Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya
- **Seksyen 206 - Penalti bagi fraud**
  - Denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak lebih 3 bulan atau kedua-duanya

